



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

**LAWATAN PEMANTAUAN PROJEK YB TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA KE
PROJEK MEMBINA JALAN DARI LUKUT KE KAMPUNG SIRUSA MELALUI KAMPUNG
PAYA DAN KAMPUNG BAGAN PINANG, PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN**

PORT DICKSON, 16 JULAI 2026 – YB Datuk Seri Dr. Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya, hari ini telah mengadakan Lawatan Pemantauan Projek ke Projek Membina Jalan Dari Lukut ke Kampung Sirusa melalui Kampung Paya dan Kampung Bagan Pinang, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Projek pembangunan ini melibatkan pembinaan jalan baharu sepanjang 10 kilometer mengikut spesifikasi JKR R2, termasuk kerja-kerja pembinaan cerun, sistem saliran, pembetulan, struktur, utiliti serta kerja-kerja sokongan yang berkaitan bagi menyediakan rangkaian jalan raya yang lebih selamat, selesa dan berkualiti kepada pengguna.

Dengan harga kontrak semasa berjumlah RM81.92 juta, projek ini dijadualkan siap pada 10 Ogos 2027 dan kini mencatatkan kemajuan fizikal sebanyak 60.57 peratus, berbanding jadual 58.20 peratus, iaitu 43 hari lebih awal sehingga 25 Jun 2026.

Pembinaan jalan ini bertujuan meningkatkan jaringan jalan raya di kawasan Lukut, Kampung Paya, Kampung Bagan Pinang dan Kampung Sirusa, sekali gus mempertingkatkan tahap kebolehcapaian, memperbaiki hubungan antara penempatan penduduk serta menyokong pembangunan sosioekonomi di daerah Port Dickson.

Projek di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) ini telah diluluskan di bawah peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan pelaksanaannya dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sembilan sebagai agensi pelaksana.

Lawatan pemantauan ini bertujuan meninjau kemajuan pelaksanaan projek, memastikan kerja-kerja pembinaan dilaksanakan mengikut jadual, spesifikasi dan standard yang telah ditetapkan, di samping meneliti isu-isu di tapak serta langkah penyelesaian bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut tempoh kontrak.

Pelaksanaan projek ini dijangka memberi manfaat besar kepada penduduk setempat dengan menyediakan laluan yang lebih selamat dan selesa, mengurangkan masa perjalanan, meningkatkan kelancaran aliran trafik serta memperkukuh hubungan antara kawasan penempatan dan pusat-pusat aktiviti ekonomi. Di samping itu, projek ini akan memudahkan akses kepada kemudahan awam seperti sekolah, klinik, balai keselamatan dan kawasan pelancongan di sekitar Port Dickson, sekali gus meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

Projek ini turut dijangka menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi setempat melalui peningkatan aktiviti perdagangan, pelancongan, peluang pekerjaan serta menarik lebih banyak pelaburan dan pembangunan baharu di kawasan sekitar. Selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI, pembangunan infrastruktur yang berkualiti akan terus diperkasakan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dan memacu pembangunan wilayah secara mampan.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
16 JULAI 2026

#KementerianKerjaRaya
#KementerianKemajuanDesadanWilayah
#KeArahKesejahteraanRakyat
#JKRMalaysia
#JasaKepadaRakyat
#MADANIBekerja
#MalaysiaMADANI
#RMKe12